



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

TEKS PERUTUSAN

**DATUK Dr. AMIN BIN SENIN
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2018**

TEMA:

"GURU PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN"

Tarikh:

16 MEI 2018

Masa:

8.30 PAGI

Tempat:

PICC

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera

(Salutasi terkini disediakan oleh urus setia)

MUKADDIMAH

1. *Alhamdulillah Rabbil'alamin*, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir ke **Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali ke-47 Tahun 2018** pada hari yang berbahagia ini. Sesungguhnya hari ini merupakan hari yang

amat istimewa khusus kepada semua guru di Malaysia. Tanggal 16 Mei merupakan hari pengiktirafan negara terhadap jasa dan bakti guru atas usaha melahirkan warganegara Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keluarga, masyarakat dan negara untuk hidup kekal dalam suasana aman, harmoni dan makmur. Semoga jiwa pendidik yang luhur sentiasa subur dalam sanubari setiap guru.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

2. Kita sedia maklum bahawa Hari Guru ialah hari untuk menunjukkan penghargaan terhadap para guru atas sumbangan bakti dan khidmat murni kepada masyarakat dan negara. Di Malaysia, Perayaan Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan bermula pada tahun 1972. Tarikh 16 Mei dipilih sebagai Hari Guru kerana pada tarikh yang sama dalam tahun 1956, Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu telah menerima cadangan-cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran sebagai Dasar Pelajaran Negara kita.

TEMA HARI GURU

3. Tema Hari Guru 2018, yaitu **'Guru Pemacu Transformasi Pendidikan'** telah dilancarkan pada 23 Mac 2018. Tema ini membawa pengertian bahawa guru sebagai barisan hadapan yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara. Sebagai agen perubahan, guru mampu membawa pembangunan pendidikan negara kepada tahap yang lebih cemerlang dan disegani di mata dunia.

4. Pemilihan tema Hari Guru pada tahun

2018 amat bersesuaian dengan perkembangan semasa dunia pendidikan masa kini. Di negara kita khususnya, peranan guru merupakan faktor kritikal menentukan kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Transformasi pendidikan secara menyeluruh dapat dirasai apabila berlakunya transformasi dalam bilik darjah.

Para hadirin yang saya hormati,

FORMAT SAMBUTAN HARI GURU

5. Jawatankuasa Pengelola Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan telah membuat pembaharuan dalam mengadakan Sambutan Hari Guru 2018. Pada tahun ini, sambutan hari guru diadakan bermula di peringkat sekolah, diikuti sambutan di peringkat negeri dan acara kemuncaknya iaitu sambutan peringkat kebangsaan dikelolakan oleh KPM.

6. Perubahan format sambutan ini adalah kerana KPM merasakan bahawa semua pihak perlu dilibatkan untuk turut sama merai dan menghargai segala jasa dan

pengorbanan guru. Ucapan penghargaan terima kasih cikgu ini perlu dizahirkan secara terbuka di semua peringkat melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa, komuniti dan pihak swasta untuk memastikan guru rasa dihormati dan dihargai.

7. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengatur pelbagai program dan aktiviti menarik bagi memastikan Perayaan Sambutan Hari Guru lebih meriah dan mencapai objektifnya. Antara program yang dirancang bagi menyemarakkan dan menghangatkan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan adalah **Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan, Anugerah Tokoh**

Kepimpinan Pendidikan, Anugerah Guru Inovatif, Anugerah Ikon Guru, Anugerah Guru Cemerlang, Forum Berkaitan Kemenjadian Murid, Acara Sukan serta Majlis Solat Hajat, Bacaan Tahlil dan Yasin di Masjid Putra, Putrajaya.

8. Untuk makluman para hadirin, sambutan tahun ini melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk pelibatan kumpulan penggerak ibu bapa, komuniti dan pihak swasta. Pada 23 Mac 2018 yang lalu, Majlis Pelancaran Gerakan Massa Penghargaan 'Terima Kasih Cikgu' Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan di Kuala Lumpur.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kemenjadian murid dan pendidikan berkualiti yang menjadi matlamat utama PPPM 2013-2025 boleh dicapai melalui penterjemahan semua dasar dan aspirasi negara. Kebersamaan pemikiran kepemimpinan KPM dan barisan hadapan pelaksana iaitu guru perlu selari dalam menjayakan transformasi pendidikan. Dalam perkara ini, guru perlu memahami peranan utama bagi memastikan kemenjadian murid secara holistik.

10. Proses awal membentuk kemenjadian murid yang holistik perlu dilakukan dan dimantapkan dalam fasa pendidikan wajib enam tahun di peringkat rendah dan tiga

tahun di peringkat menengah rendah. Inilah masa strategik untuk membangunkan potensi murid yang harus dimanfaatkan oleh guru.

11. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula tahun 2011 yang merupakan satu anjakan paradigma dalam sistem pendidikan negara. PBS mentaksir bidang akademik dan bukan akademik.

12. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

13. PBS merupakan mekanisme sekali gus sebagai alat ukur utama dalam menterjemahkan dan mengoperasikan maksud pembentukan kemenjadian murid yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

14. Adalah diharapkan kefahaman dan pelaksanaan PBS yang sejajar dengan matlamatnya dapat memastikan pembangunan murid secara holistik dicapai. Selain itu, PBS juga dapat memberi

maklumat mengenai perkembangan murid kepada guru, ibu bapa dan murid itu sendiri.

15. Hasil pentaksiran boleh membantu guru menilai kaedah pengajaran dan aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Inilah antara fokus utama gerak kerja yang akan meletakkan peranan **guru sebagai pemacu transformasi pendidikan.**

Para hadirin sekalian,

KEJAYAAN GURU

16. Sesungguhnya KPM amat menghargai usaha dan pengorbanan guru dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Komitmen jitu guru dalam bidang tersebut telah dapat memperkembangkan potensi murid dan mengetengahkan bakat dan kebolehan diri sendiri.

17. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua guru walau di mana mereka berada yang telah berjaya memberi sentuhan walaupun sekecil mana kejayaan kepada kemenjadian murid.

18. Saya amat berbangga dengan prestasi tinggi yang telah ditunjukkan oleh semua warga pendidik bagi memastikan Malaysia menempa nama di persada antarabangsa. Semoga prestasi cemerlang ini dikekalkan dan ditambah baik secara berterusan.

19. Kementerian telahpun menyediakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kualiti dan memartabatkan profesionalisme keguruan di negara kita. KPM telah menyediakan laluan kerjaya baharu guru yang memberi peluang dan pilihan untuk meningkatkan kemajuan masing-masing. Selain itu, turut diperkenalkan inisiatif Menjadi Guru Malaysia dalam usaha memperkembangkan profil guru secara

berpusat ke arah pemantapan dan peningkatan kerjaya serta pembangunan profesionalisme berterusan.

Para hadirin yang dihormati,

PENGHARGAAN KEPADA KSU

20. Masa berlalu begitu pantas. Pada tanggal 22 Mei 2018, YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia akan bersara wajib. YBhg Dato' Sri Alias telah memulakan perkhidmatan di KPM sejak September 2016. Pada masa itu, KPM berdepan dengan pelbagai cabaran dalam usaha memenuhi tanggungjawab

menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada seluruh anak bangsa kita.

21. Saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan perkenan-Nya, YBhg. Dato' Sri Alias telah berjaya memimpin KPM mendepani cabaran tersebut sehingga terbukti kita mencapai kecemerlangan demi kecemerlangan seperti yang kita lihat pada hari ini.

22. Bagi pihak KPM, saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jasa bakti YBhg. Dato' Sri sepanjang memimpin kita di Kementerian ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

23. Ucapan tahniah juga saya rakamkan kepada Jawatankuasa Pengelola Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 yang berusaha memastikan semua program yang dirancang berjalan lancar. Terima kasih kepada pihak media massa yang telah memberikan sokongan dan komitmen serta publisiti dalam menjayakan program Sambutan Hari Guru 2018.

24. Akhir kata, kepada semua ibu bapa, komuniti dan sektor swasta, serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), bagi

pihak KPM, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas pelibatan penganjuran aktiviti pendidikan di sekolah untuk faedah anak-anak kita.

25. Teruskanlah memberi sokongan dan bantuan kepada pihak guru dan sekolah dalam apa jua bentuk sama ada dari sudut pandangan, kemahiran mahupun kewangan untuk melonjakkan prestasi pendidikan anak-anak kita. Marilah bersama-sama memberi perhatian, kasih sayang dan bertanggungjawab dalam pendidikan anak-anak agar mereka dapat mencorakkan masa depan negara kita.

Sekian, *Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.* Terima Kasih.

PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
TEL: 03-88846077 FAX:03-88894548